

Tutorial ICT

Bersama FIRKHAN
sembangict@yahoo.com



Cari kod nombor Mac Os

BAGAIMANAKAH untuk mencari kod nombor versi dan buatan (*Build Number*) bagi sistem pengoperasian Mac OS pada komputer atau peralatan Mac?

Pengetahuan berkenaan dengan kod nombor versi dan buatan bagi sesebuah sistem Mac OS sangat penting bagi memastikan sistemnya dikemas kini dan selamat daripada segala kelemahan yang ada. Selain itu, kod nombor versi sistem Mac OS ini penting bagi memastikan keserasiannya dengan sesebuah aplikasi. Menu *About This Mac* akan memaparkan segala maklumat yang berkaitan dengan versi dan spesifikasi perkakasan bagi sistem Mac OS.

Apple menjenamakan semula sistem pengoperasian Mac dari OS X kepada Mac OS. Oleh itu, bagi sistem pengoperasian Mac yang lebih lama daripada versi v10.12.0 perlu dirujuk kepada sistem OS X. Seterusnya dibincangkan cara untuk mengetahui kod nombor versi dan buatan (*Build Number*) bagi sistem pengoperasian Mac OS.

1 Pada penghujung atas kiri skrin, klik pada ikon Apple dan pilih pilihan *About This Mac* daripada menu.

2 Satu tetingkap akan dibuka yang memaparkan maklumat berkenaan versi sistem pengoperasian bawah nama Mac OS.

3 Sekiranya nombor kod buatan tidak ditemui, klik pada nombor kod versi dan nombor kod buatan akan dipaparkan.

Sebagai contoh, nama bagi Mac OS adalah *High Sierra*, di bawahnya terdapat kod nombor versi iaitu 10.13.2 dan di sebelah terdapat kod nombor buatan iaitu 17C88.

Di samping itu, carian maklumat kod nombor ini boleh dibuat dengan cara menggunakan baris arahan menerusi program *Terminal* bagi yang biasa dengan cara ini.

1 Buka tetingkap *Terminal* pada peralatan Mac.

2 Taip arahan *sw_vers* pada *Terminal* dan klik butang *return*. Kod nombor versi dan buatan (*Build Number*) bagi sistem pengoperasian Mac OS pada komputer atau peralatan Mac akan dipaparkan pada sebelah kanan baris arahan.

3 Contoh paparan maklumat adalah seperti berikut, *ProductName*: Mac OS X, *ProductVersion*: 10.13.2 and also build number 17C88.

Antara model sistem pengoperasian Mac OS yang ada adalah seperti mac OS High Sierra (10.13.x), mac OS Sierra (10.12.x), OS X El Capitan (10.11.x), OS X Yosemite (10.10.x) dan OS X Mavericks (10.9.x).